

NO. SOALAN : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 27 MEI 2015

SOALAN :

YB. Datuk Rozman bin Isli [LABUAN] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memberikan package Second Home Programme yang lebih untuk kegunaan kedua-dua pulau bebas cukai iaitu Pulau Labuan dan Pulau Langkawi.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program Malaysia My Second Home (MM2H) merupakan satu program bagi menarik lebih ramai warga asing yang berkelayakan untuk tinggal secara jangka panjang atau “*long-stay*” di negara ini. Peserta MM2H akan diberikan Visa Beberapa Kali Masuk (*Multiple Entry Visa*) untuk tempoh selama 10 tahun. Program ini terbuka kepada semua warganegara asing yang berusia 21 tahun dan ke atas yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Buat masa ini tiada pakej khas ditawarkan untuk menarik warganegara asing mahupun pemohon-pemohon yang ingin menginap di Pulau Labuan dan Pulau Langkawi khususnya. Ini memandangkan peserta MM2H boleh memilih mana-mana tempat tinggal dan kekerapan ke Malaysia serta tempoh tinggal sewaktu berada di negara ini.

Sekian, terima kasih.